



KENDERAAN yang rosak terpaksa ditunda selepas ditenggelami air di Segambut, semalam.

Ibu kota banjir kilat

B/A 19/4/12. M59

7 kenderaan terperangkap selepas hujan sejam

Oleh Hardi Effendi Yaacob
hardi@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Hujan lebat berserta ribut petir lebih sejam petang semalam menyebabkan beberapa kawasan rendah sekitar ibu negara, terutama di Segambut dan Kepong ditenggelami banjir kilat hingga menyebabkan kesesakan teruk di hampir kesemua laluan utama di bandar raya ini.

Dalam kejadian jam 5 petang itu, sekurang-kurang tujuh kenderaan dilaporkan terperangkap selepas ditenggelami banjir kilat hingga terpaksa dikeluarkan dengan menggunakan trak penunda.

Kejadian turut menyebab-

kan sebahagian besar siling di Klinik Kesihatan Kerajaan Jinjang, di sini, runtuh sehingga nyaris menghempap petugas perubatan dan pesakit.

Difahamkan, sekurang-kurangnya 10 pesakit berada di ruang menunggu klinik berkenaan dalam kejadian kira-kira jam 5 petang itu sebelum siling di ruang berkenaan tiba-tiba runtuh, diikuti siling di bilik rawatan, bilik vaksin dan stor ubat, dipercayai berpunca daripada bumbung bocor.

Pegawai Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Jinjang, Rosli Haris, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 5.20 petang dan tiba di tempat kejadian 10 minit kemu-

dian sebelum pemeriksaan mendapati sebahagian besar siling di klinik berkenaan runtuh, dengan kesemua ruang ditenggelami air sehingga paras buku lali.

Bagaimanapun, katanya tiada sebarang kecederaan dilaporkan, malah kecekapan pengawal keselamatan mengeluarkan petugas klinik dan pesakit dari premis itu dipuji.

Sementara itu, di **GEN-TING HIGHLANDS**, tiga kejadian tanah runtuh dilaporkan berlaku di sepanjang laluan utama ke pusat peranginan itu, masing-masing berhampiran Chin Swee Temple dan Awana Golf & Country Resort berikutan hujan lebat sejak jam 3 petang semalam.